

# Pengaruh kepemimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar tingkatan enam di kolej tingkatan enam daerah Perak Tengah

*The influence of teacher leadership on the success of form six students in form six colleges in Central district of Perak*

Khalip Musa<sup>a</sup> & Mohd Khairi Md Akhir<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia, [khalip@fpe.upsi.edu.my](mailto:khalip@fpe.upsi.edu.my)

<sup>b</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia, [khairiakhir6665@gmail.com](mailto:khairiakhir6665@gmail.com)

**Published:** 22 July 2021

**To cite this article (APA):** Musa, K., & Md Akhir, M. K. (2021). The influence of teacher leadership on the success of form six students in form six colleges in Central district of Perak. *Management Research Journal*, 10(2), 37-48. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol10.2.3.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/mrj.vol10.2.3.2021>

## Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh amalan kepemimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar dalam kalangan pelajar tingkatan enam. Kajian ini bersifat kuantitatif menggunakan soal selidik untuk mengutip data. Sampel kajian melibatkan seramai 123 pelajar tingkatan enam di beberapa buah Kolej Tingkatan Enam di Daerah Perak Tengah. Pemilihan sampel dibuat menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan kepemimpinan guru berada pada tahap tinggi (min= 4.15, SP= 0.47) dan tahap keberhasilan pelajar juga berada pada tahap tinggi (min= 4.07, SP= 0.43). Melalui analisis Kolerasi Pearson mendapati kepemimpinan guru mempunyai hubungan positif sederhana pada aras signifikan dengan dengan keberhasilan pelajar ( $r = .658^{**}$ ,  $p=0.002 < .05$ ). Melalui analisis Regresi linear mendapati kepemimpinan guru telah mempengaruhi secara sederhana dan signifikan terhadap keberhasilan pelajar sebanyak 26.5% ( $R^2=.265$ ,  $p=0.008 < 0.05$ ). Kajian ini merumuskan terdapat pengaruh signifikan kepemimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar secara sederhana. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa kepemimpinan guru perlu diperkasakan untuk meningkatkan keberhasilan pelajar tingkatan enam.

**Kata kunci:** kepemimpinan guru, keberhasilan pelajar, tingkatan enam, persepsi pelajar

## Abstract

*This study is conducted to identify the influence of teacher leadership practices on student achievement among form six students. This study is quantitative in nature using questionnaires to collect data. The study sample involved a total of 123 form six students in several Form Six Colleges in the Central Perak District. Sample selection was made using a simple random sampling technique. Study data were analyzed descriptively and inferentially. Findings of the study showed that teacher leadership was at a high level (mean = 4.15, SP = 0.47) and the level of student achievement was also at a high level (mean = 4.07, SP = 0.43). Through Pearson Correlation analysis found that teacher leadership has a moderate positive relationship at a significant level with student achievement ( $r = .658^{**}$ ,  $p = 0.002 < .05$ ). Through linear regression analysis found that teacher leadership has a moderate and significant influence on student achievement by 26.5% ( $R^2 = .265$ ,  $p=0.008 < 0.05$ ). This study concludes that there is a significant influence of teacher leadership on student outcomes in moderation. The implications of this study suggest that teacher leadership needs to be strengthened to improve the outcomes of form six students.*

**Keywords:** teacher leadership, student achievement, form six, student perception

## PENGENALAN

Dewasa ini bidang pendidikan negara mengalami perubahan dan perkembangan yang pesat. Perkembangan dunia pendidikan semakin menyerlah dengan pengumuman Transformasi Nasional Tahun 2050 (TN50) oleh kerajaan sebagai visi negara untuk tiga puluh tahun yang akan datang bagi menggantikan wasasan 2020. Gagasan baru TN50 telah membawa kepada transformasi dalam pelbagai bidang termasuk bidang pendidikan negara, (KPM, 2017).

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2013), dalam anjakan yang pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) kerajaan berusaha untuk meletakkan pendidikan negara setanding dengan mutu pendidikan antarabangsa. Usaha kerajaan untuk mencapai keberhasilan yang tinggi seperti pendidikan negara maju, Hussien Ahmad (2012). Kepimpinan guru dan keberhasilan pelajar menjadi isu penting dalam perkembangan pendidikan negara. Pengenalan PPPM (2013-2025), telah memacu landskap pendidikan Malaysia menuju abad 21. Keadaan ini turut mengubah keberhasilan pendidikan peringkat lepasan menengah termasuk peringkat tingkatan enam. Di samping itu, tugas guru tentunya menjadi lebih mencabar apabila berhadapan dengan transformasi pendidikan menerusi dasar pendidikan yang lebih inklusif dan futuristik, (KPM,2013). Demi mendapatkan keberhasilan pelajar, guru harus meningkatkan kemahiran melalui pembelajaran yang berterusan dan bukannya terhenti setakat memiliki ijazah sahaja, guru seharusnya terus belajar sepanjang hayat (Blank, 2014).

## PERNYATAAN MASALAH

Tinjauan literatur menunjukkan kajian kepimpinan guru tingkatan enam masih kurang dibincangkan. Pandangan ini berpadanan dengan pendapat pengkaji tempatan seperti Abdul Talib et. al (2012). Sewajarnya, penerokaan kajian terhadap bidang yang kurang dikaji dengan pelbagai usaha penerokaan penyelidikan, Berry et. al (2010).

Menurut Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) (2018), keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tahun 2017 telah menunjukkan tingkat keberhasilan pelajar yang tertinggi sejak perlaksanaan STPM modular diperkenalkan sejak tahun 2013. Keputusan peperiksaan STPM diukur berdasarkan Nilai Gred Matapelajaran (NGMP) atau *National Cumulative Grade Points Average* (CGPA). Menurut MPM (2018) lagi, NGMP peperiksaan STPM semakin meningkat, bermula 2.57 (2013), 2.62 (2014), 2.65 (2015), 2.71 (2016) kepada 2.76 (2017). Maka, wajarlah kajian kepimpinan guru dilakukan untuk melihat peranannya dari aspek keberhasilan pelajar tingkatan enam.

Menurut KPM (2016), pencapaian pelajar secara perbandingan pada peringkat antarabangsa menunjukkan tahap keberhasilan pelajar negara kita masih rendah. Pelaporan *Programme for International Student Assessment* (PISA) (2015) menunjukkan negara Malaysia memperolehi pencapaian yang sederhana dalam domain literasi bacaan (skor 431), domain literasi saintifik (skor 443) dan domain literasi matematik (skor 446). Kedudukan Malaysia berada di bawah negara yang tahap ekonominya yang rendah seperti Thailand dan Vietnam. Ranking terbaik Malaysia pada tempat ke-52 dari 65 buah negara dalam PISA 2012.

Dari satu sudut, ibubapa meletakkan pengajian tingkatan enam sebagai pilihan terakhir. Menurut Mokhtar Pet dan Ahmad Johari Sihes (2013), sebilangan pelajar mengambil keputusan untuk meninggalkan pengajian mereka sekiranya mereka mendapat tawaran di pusat pengajian lain seperti universiti tempatan, politeknik atau tawaran pekerjaan. Pendapat beliau turut disokong oleh Tang Keow Ngang dan Tham Yoke Mei (2014).

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk melihat pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar tingkatan enam berdasarkan persepsi pelajar. Bagi tujuan tersebut, terdapat empat objektif kajian seperti berikut:

- i. Mengetahui tahap kepimpinan guru berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam.
- ii. Mengetahui tahap keberhasilan pelajar berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam.
- iii. Menentukan hubungan antara kepimpinan guru dengan keberhasilan pelajar berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam.
- iv. Menentukan pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam.

## PERSOALAN KAJIAN

Bagi menjawab empat objektif kajian di atas, maka terdapat empat persoalan kajian yang perlu dijawab:

- i. Adakah tahap kepimpinan guru berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam?
- ii. Adakah tahap keberhasilan pelajar berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara kepimpinan guru dengan keberhasilan pelajar berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam?
- iv. Sejauh manakah pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar terhadap berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam?

Berdasarkan soalan kajian (iii) dan (iv) diatas, dua hipotesis kajian telah dibina iaitu:

- H<sub>01</sub>: Tidak terdapat hubungan signifikan antara kepimpinan guru dengan keberhasilan pelajar berdasarkan persepsi pelajar.
- H<sub>02</sub>: Tidak terdapat pengaruh signifikan antara kepimpinan guru dengan keberhasilan pelajar berdasarkan persepsi pelajar.

## KERANGKA TEORI KAJIAN


Di dalam menjalankan kajian ini, terdapat dua teori yang menjadi asas iaitu: (a) Teori Kepimpinan Guru oleh *Centre for Strengthening the Teaching Profession* (CSTP, 2009), iaitu untuk membincang amalan kepimpinan guru dan (b) Model Penilaian Latihan oleh Kirkpatrick (2011) untuk membincang keberhasilan pelajar tingkatan enam.

Teori kepimpinan guru CSTP (2009) mengandungi lima dimensi utama iaitu (a) bekerja dengan pelajar dewasa; (b) komunikasi; (c) kolaboratif; (d) pengetahuan isi kandungan dan pedagogi; dan (e) berfikir sistem. Teori ini dipilih kerana amat bersesuaian kerana mengutamakan kepimpinan guru dengan menyantuni pelajar tingkatan enam sebagai pelajar dewasa dan berkolaboratif dengan mereka di dalam dan luar bilik darjah.

Model keberhasilan Kirkpatrick (2011) pula untuk mengukur keberhasilan pelajar. Model ini mengandungi empat dimensi utama iaitu: (a) reaksi; (b) pembelajaran; (c) tingkah laku; dan (d) keputusan. Penggunaan model Kirkpatrick (2011) dapat dijadikan panduan bagi menjelaskan bagaimana pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar selari dengan penilaian pelajar oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

## KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN.

Kerangka konseptual kajian dibina berdasarkan teori kepimpinan guru dari CSTP (2009) dan model penilaian latihan oleh Kirkpatrick (2011). Kerangka konseptual kajian amat penting sebagai panduan kepada penyelidik ini:



**Rajah 1** Kerangka Konseptual Kajian.  
Sumber: CSTP (2009) & Kirkpatrick (2011)

## SOROTAN LITERATUR

Terdapat ramai penyelidik lepas menghurai konsep kepimpinan guru menerusi pelbagai lapangan kajian. Kemunculan pelbagai teori sebagai rujukan dan panduan kepada penyelidik dalam menjalankan kajian. Antaranya termasuklah teori kepimpinan guru CSTP (2009), Katzenmeyer dan Moller (2009), Grant (2008), York Barr dan Duke (2008).

Kajian terhadap kepimpinan guru telah diperkatakan dalam pelbagai konteks penyelidikan yang dipengaruhi oleh pelbagai elemen. Abdul Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010) berpendapat, kepimpinan guru perlu berakhlak terpuji dan luhur kerana guru berperanan sebagai “*murabbi*”, “*muallim*” dan “*muaddib*” yang merupakan “*role model*” kepada pelajarannya. Pendapat beliau disokong oleh Syed Ismail dan Ahmad Subki (2010) yang menghujahkan guru seharusnya mempunyai sifat dan kualiti peribadi yang unggul. Kepimpinan guru mempunyai pengaruh dalam membuat keputusan di dalam dan luar bilik darjah (Harris dan Mujis, 2003; Katzenmeyer & Moller, 2009; dan Grant, 2008). Menurut Fullan (2006), Hallinger (2011) dan Leithwood et. al, (2004) menyatakan kepimpinan guru perlu dikaitkan dengan komitmen dan pengetahuan.

Banyak kajian tentang keberhasilan pelajar dijalankan seperti Maureen et. al (2012) mencadangkan bahawa guru perlu menguasai kepimpinan guru seperti mempelajari pengetahuan pedagogi dan kurikulum serta memahami tindakan kepimpinan mereka yang berlaku setiap hari. Nor Asma Sheirnowani Abdul Rahman et. al (2015) yang mengkaji kesahan model amalan kepimpinan guru mendapati amalan kepimpinan guru sangat penting kepada keberhasilan pelajar. Kajian “Gaya Pembelajaran Pelajar Tingkatan Enam di Malaysia” oleh Abdul Talib Hashim et. al (2012) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya-gaya pembelajaran ke arah keberhasilan pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Mokhtar Pet dan Ahmad Johari Sihes (2013) berpendapat keberhasilan kepimpinan guru bergantung kepada faktor luaran dan faktor dalaman guru termasuk latar belakang dan personaliti guru tingkatan enam.

Penyelidikan berkaitan penjenamaan semula sistem pengajian dan pentadbiran tingkatan enam di Malaysia telah dijalankan oleh Tang Keow Ngang dan Tham Yoke Mei (2014). Kajian kualitatif ini berbentuk kajian kes di Pulau Pinang melibatkan 10 orang sampel dari kalangan guru

tingkatan enam. Dapatan kajian beliau telah menunjukkan guru-guru tingkatan enam di Pulau Pinang menyokong penjenamaan semula tingkatan enam.

Di luar negara, tingkatan enam dikenali sebagai sekolah tinggi selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh Parkay dan Stanford (2010) dan Kauchak dan Eggen (2011) yang menyatakan pendidikan sekolah tinggi melibatkan kebanyakan guru-guru sekolah tinggi yang mengajar empat atau lima kursus dalam sesuatu kandungan bidang tugas, dan ini selaras dengan sistem tingkatan enam di dalam negara.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana soal selidik digunakan untuk mengutip data. Penggunaan soal selidik sebagai alat ukur adalah paling praktikal dalam kajian berbentuk kuantitatif, (Noraini Idris, 2013 Menurut Cresswell (2013), penyelidikan kuantitatif adalah memutuskan apa yang hendak dikaji, bertanya soalan yang khusus, mengecilkan skop soalan, mengumpul data pelajar yang hendak dikaji.

Populasi yang digunakan dalam kajian ini adalah kalangan pelajar tingkatan enam atas yang menjadi calon STPM pada tahun 2018 di Kolej Tingkatan Enam di Daerah Perak Tengah, Perak. Jumlah populasi yang terlibat seramai 187 pelajar. Persampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian, (Ramlee Ismail et.al, 2016). Berdasarkan jadual penentuan sampel Krejcie dan Morgan (1970), seramai 123 orang pelajar dipilih.

Menurut Cresswell (2012), Instrumen kajian boleh didefinisikan sebagai alat yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data kajian. Dua instrumen iaitu (a) instrumen soal selidik kepimpinan guru (CSTP, 2009) dan (b) instrumen soal selidik keberhasilan pelajar Kirkpatrick (2011) telah digunakan bagi tujuan kutipan data.

Penentuan julat skor min dan interpretasi tahap kepimpinan guru dan tahap keberhasilan pelajar dibuat berdasarkan nilai yang ditetapkan oleh Nunally (1978) seperti dibawah

**Jadual 1** Interpretasi Skor Min Kepimpinan Guru dan Min Keberhasilan Pelajar

| Skor Min         | Interpretasi     |
|------------------|------------------|
| 1.00 hingga 2.00 | Rendah           |
| 2.01 hingga 3.00 | Sederhana Rendah |
| 3.01 hingga 4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01 hingga 5.00 | Tinggi           |

Analisis inferensi menggunakan ujian Korelasi Pearson dan ujian Regresi linear. Kedua-dua ujian ini perlu bagi menjawab soalan kajian ketiga dan soalan keempat. Interpretasi nilai Korelasi yang dirumuskan oleh Chua Yan Piaw (2012) digunakan dalam penentuan ujian seperti jadual dibawah.

**Jadual 2** Interpretasi Nilai Korelasi

| Nilai Pekali Korelasi (r) | Interpretasi   |
|---------------------------|----------------|
| .91 hingga 1.00           | Sangat Kuat    |
| .71 hingga .90            | Kuat           |
| .51 hingga .70            | Sederhana      |
| .31 hingga .50            | Lemah          |
| .01 hingga .30            | Sangat Lemah   |
| .00                       | Tiada Korelasi |

Data inferensi kajian ini turut melibatkan ujian Regresi linear. Pemboleh ubah bebas kajian dapat digunakan untuk meramal kesan pengaruhnya terhadap pemboleh ubah bersandar (Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, 2016). Jadual dari analisis Regresi  $R^2$  digunakan untuk membincangkan kekuatan faktor pengaruh kepimpinan guru terhadap faktor keberhasilan pelajar.

## DAPATAN KAJIAN

Data kajian ini diperolehi dari borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden kajian yang terdiri dari pelajar tingkatan enam atas di daerah Perak Tengah. Data-data dalam kajian ini telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package Science Social (SPSS) version 22.0*. Analisis data kajian menggunakan kaedah diskriptif dan inferensi.

### Latar Belakang Responden Kajian

Keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini berjumlah 123 pelajar. Dari jumlah ini, 42 responden adalah lelaki (34.1 %) manakala responden perempuan yang terlibat adalah seramai 81 orang (65.9 %). Daripada keseluruhan sampel kajian, 115 pelajar (93.5 %) adalah kaum Melayu, tiga pelajar (2.4 %) adalah kaum Cina, empat pelajar (3.3 %) adalah kaum India dan lain-lain kaum (orang asal) seramai seorang responden (0.8 %).

Daripada 123 pelajar, seramai 62 pelajar (50.4 %) berada satu tahun di sekolah ini. Seramai 27 pelajar (22.0 %) telah berada di sekolah ini selama dua tahun. Seramai dua puluh lima pelajar (20.3 %) telah berada di sekolah tersebut bagi tempoh lebih empat tahun manakala sembilan pelajar (7.3 %) telah berada tiga tahun di sekolah tersebut. Secara keseluruhannya menunjukkan kebanyakan responden sudah berada di sekolah tersebut sejak lebih tempoh setahun.

Pencapaian keputusan peperiksaan responden diukur mengikut Nilai Gred Matapelajaran (NGMP) terkumpul untuk peperiksaan STPM tahun 2018. Nilai tertinggi NGMP 2.01 hingga 3.00 adalah seramai 60 pelajar (48.8 %). Nilai kedua tertinggi NGMP 3.01 hingga 4.00 adalah seramai 38 pelajar (30.9 %). Manakala bagi nilai pencapaian NGMP 1.01 hingga 2.00 pula adalah seramai 23 pelajar (18.7 %). Seterusnya pencapaian NGMP kurang 1.00 adalah seramai dua pelajar (1.6 %). Keputusan ini hanya melibatkan peperiksaan STPM penggal satu dan penggal dua.

Jadual 3 dibawah menunjukkan maklumat demografi responden mengikut jantina, kaum, tempoh berada di sekolah dan NGMP semasa.

**Jadual 3** Maklumat Demografi Responden

| Jantina                  | Jumlah | Peratus (%) |
|--------------------------|--------|-------------|
| Lelaki                   | 42     | 34.1        |
| Perempuan                | 81     | 65.9        |
| Jumlah Keseluruhan       | 123    | 100.0       |
| Kaum                     | Jumlah | Peratus (%) |
| Melayu                   | 115    | 93.5        |
| Cina                     | 3      | 2.4         |
| India                    | 4      | 3.3         |
| Jumlah Keseluruhan       | 123    | 100.0       |
| Tempoh Berada di Sekolah | Jumlah | Peratus (%) |
| 1 Tahun                  | 62     | 50.4        |
| 2 Tahun                  | 27     | 22.0        |
| 3 Tahun                  | 9      | 7.3         |
| 4 Tahun ke atas          | 25     | 20.3        |
| Jumlah Keseluruhan       | 123    | 100.0       |

| Taburan NGMP Semasa | Jumlah | Peratus (%) |
|---------------------|--------|-------------|
| Kurang 1.00         | 2      | 1.6         |
| 1.01 hingga 2.00    | 23     | 18.7        |
| 2.01 hingga 3.00    | 60     | 48.8        |
| 3.01 hingga 4.00    | 38     | 30.9        |
| Jumlah Keseluruhan  | 123    | 100.0       |

### Tahap Kepimpinan Guru Berdasarkan Persepsi Pelajar

**Jadual 4** Kepimpinan Guru Berdasarkan Persepsi Pelajar

| Dimensi Kepimpinan Guru                | N   | Min  | Sisihan Piawai | Tahap  |
|--|-----|------|----------------|--------|
| Bekerja Dengan Pelajar Dewasa          | 123 | 4.21 | .548           | Tinggi |
| Komunikasi                             | 123 | 4.17 | .535           | Tinggi |
| Kolaboratif                            | 123 | 4.15 | .486           | Tinggi |
| Pengetahuan Isi Kandungan dan Pedagogi | 123 | 4.11 | .528           | Tinggi |
| Berfikiran Sistem                      | 123 | 4.09 | .553           | Tinggi |
| Min Keseluruhan                        | 123 | 4.15 | .468           | Tinggi |

Berdasarkan Jadual 4 di atas, analisis min mengikut dimensi kepimpinan guru menunjukkan dimensi bekerja dengan pelajar dewasa adalah paling tinggi (min=4.21), diikuti oleh dimensi komunikasi (min=4.17), dimensi kolaboratif (min=4.15), dimensi pengetahuan isi kandungan dan pedagogi (min =4.11) dan terakhir sekali adalah dimensi berfikiran sistem (min=4.09). Tahap min kepimpinan guru keseluruhan adalah pada tahap tinggi (min=4.15).

### Tahap Keberhasilan Pelajar Berdasarkan Persepsi Pelajar

**Jadual 5** Dimensi Keberhasilan Pelajar Berdasarkan Persepsi Pelajar

| Dimensi Keberhasilan Pelajar | N   | Min  | Sisihan Piawai | Tahap  |
|------------------------------|-----|------|----------------|--------|
| Reaksi                       | 123 | 4.05 | .527           | Tinggi |
| Pembelajaran                 | 123 | 4.04 | .552           | Tinggi |
| Tingkah Laku                 | 123 | 4.01 | .556           | Tinggi |
| Keputusan                    | 123 | 4.16 | .484           | Tinggi |
| Min Keseluruhan              | 123 | 4.07 | .425           | Tinggi |

Berdasarkan Jadual 5, analisis min mengikut dimensi keberhasilan pelajar menunjukkan dimensi keputusan pelajar adalah paling tinggi (min= 4.16), diikuti oleh dimensi reaksi pelajar (min=4.05), seterusnya pembelajaran (min=4.04), dan akhor sekali ialah dimensi tingkah laku (min=4.01). Tahap min keseluruhan keberhasilan pelajar adalah tinggi (min=4.07).

### Hubungan Kepimpinan Guru Dengan Keberhasilan Pelajar

**Jadual 6** Analisis Korelasi (r) Kepimpinan Guru Dengan Keberhasilan Pelajar

| Correlations         |                     | Kepimpinan Guru | Keberhasilan Pelajar |
|----------------------|---------------------|-----------------|----------------------|
| Kepimpinan Guru      | Pearson Correlation | 1               | .658**               |
|                      | Sig. (2-tailed)     |                 | .002                 |
|                      | N                   | 123             | 123                  |
| Keberhasilan Pelajar | Pearson Correlation | .658**          | 1                    |
|                      | Sig. (2-tailed)     | .002            |                      |
|                      | N                   | 123             | 123                  |

\*\* Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed)

Berdasarkan Jadual 6, nilai Korelasi Pearson bagi kajian ini telah menunjukkan nilai koefisien  $r = .658^{**}$ . ( $n = 123$ ,  $p = 0.002$ ,  $p < 0.05$ ). Ini menunjukkan wujudnya hubungan positif sederhana pada aras signifikan antara kepimpinan guru dengan keberhasilan pelajar. Ini bermaksud hipotesis nul pertama ( $H_{01}$ ) ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan signifikan antara kepimpinan guru dengan keberhasilan pelajar.

### Pengaruh Kepimpinan Guru Terhadap Keberhasilan Pelajar

**Jadual 7** Analisis Regresi Linear Kepimpinan Guru Terhadap Keberhasilan Pelajar

|                     | Pemboleh | Ubah | Beta   | Standard of Error | P value |
|---------------------|----------|------|--------|-------------------|---------|
| Konstan             |          |      | 3.170  | 0.334             |         |
| Min Kepimpinan Guru |          |      | 0.216  | 0.080             | 0.000   |
| F                   |          |      | 7.923  |                   | 0.08    |
| R <sup>2</sup>      |          |      | 0.265  |                   |         |
| Ralat Model         |          |      | 0.4140 |                   |         |

Berdasarkan Jadual 7 di atas, ujian Regresi linear menunjukkan nilai  $R^2 = .265$ . Ini menunjukkan 26.5% keberhasilan pelajar dipengaruhi oleh faktor amalan kepimpinan guru manakala 73.5% keberhasilan pelajar dipengaruhi oleh faktor-faktor lain di luar skop kajian. Ini menunjukkan kepimpinan guru menyumbang sebanyak 26.5% terhadap keberhasilan pelajar iaitu pada aras sederhana.

**Jadual 8** Analisis ANOVA

| Model |            | Sum of Squares | Df  | Mean Square | F     | Sig.               |
|-------|------------|----------------|-----|-------------|-------|--------------------|
| 1     | Regression | 1.252          | 1   | 1.252       | 7.923 | .0008 <sup>b</sup> |
|       | Residual   | 20.779         | 121 | .172        |       |                    |
|       | Total      | 22.032         | 122 |             |       |                    |

a. Dependent Variable: Keberhasilan Pelajar  
b. Predictors: (Constant), Kepimpinan Guru

Analisis ANOVA dalam analisis regresi bertujuan menjelaskan tentang aras signifikan peramal dalam kajian (Ramlee Ismail et.al, 2016). Berdasarkan jadual 8, aras signifikan adalah lebih kecil dari 0.05. ( $p = 0.008$ ,  $p < 0.05$ ). Ini bermaksud hipotesis nul kedua ( $H_{02}$ ) ditolak. Ini bererti kepimpinan guru mempunyai pengaruh signifikan pada aras sederhana terhadap keberhasilan pelajar tingkatan enam.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan dimensi bekerja dengan pelajar dewasa adalah dimensi kepimpinan guru yang utama. Menurut Tang Keow Ngang dan Tham Yoke Mei (2014), guru tingkatan enam mempunyai tahap kepimpinan yang tinggi kerana jawatan hakiki mereka adalah jawatan kenaikan pangkat dan mempunyai pengalaman yang luas. Ramai penyelidik lain memperakui pada masa ini kepimpinan guru pada tahap yang tinggi, (Norashikin et. al, 2015; Nor Azam, 2012; Azhar Harun et. al, 2016 dan Hailan et.al, 2013).

Dapatan kajian juga menunjukkan keberhasilan pelajar menurut persepsi pelajar berada pada tahap yang tinggi. Keputusan adalah dimensi keberhasilan pelajar yang paling tinggi. Keberhasilan yang tinggi dicapai menerusi sokongan KPM sejak gelombang pertama pelaksanaan PPPM 2013-2025 dengan menempatkan pentadbir yang berkualiti dengan menempatkan guru-guru akademik tingkatan enam yang berpengalaman (KPM, 2013). Selain itu, gelombang ketiga PPPM (2021-2025) turut memberi penekanan kepada budaya kecemerlangan professional berasaskan rakan setugas dengan memberi fokus kepada pencapaian keberhasilan pelajar.



Dapatan kajian menunjukkan kepimpinan guru memainkan peranan penting dalam keberhasilan pelajar. Keberhasilan pelajar yang semakin baik dicapai menerusi kejayaan pentadbir sekolah melaksanakan SARANA ibubapa dengan menjalinkan kerjasama ibubapa, komuniti setempat dan agensi swasta. Menurut anjakan Sembilan PPPM 2013-2025, keberhasilan yang baik dapat dan mudah diperolehi menerusi hubungan kolaboratif dengan ibubapa, komuniti, agensi awam dan swasta.

Bagaimanapun pelajar dewasa peringkat tingkatan enam didapati tidak terlalu bergantung kepada sokongan tunjuk ajar guru sepenuhnya. Peranan guru secara sederhana sudah cukup untuk menampilkan keberhasilan pelajar yang tinggi. Knowles (1984) berpendapat pelajar dewasa mempunyai konsep sendiri yang unggul untuk memajukan diri sendiri, tidak seperti pembelajaran kanak-kanak yang masih bergantung dengan gurunya, pelajar dewasa mempunyai hubungan dengan guru khasnya memerlukan penghargaan dan pengiktirafan dari guru bagi menempa kejayaan diri. Pelajar tingkatan enam lebih selesa dilayan sebagai pelajar yang telah dewasa kerana mereka sudah melalui pengalaman pendidikan yang luas semenjak peringkat pra sekolah, sekolah rendah dan peringkat menengah.

Implikasi kajian ini telah membuktikan bahawa kepimpinan guru berada pada tahap tinggi di kebanyakan sekolah kerajaan termasuk sekolah tingkatan enam. Kepimpinan guru memainkan peranan penting meningkatkan keberhasilan pelajar meliputi bidang akademik dan sahsiah.

Amalan kepimpinan guru yang berupaya untuk meningkatkan keberhasilan pelajar. Kebolehan dan keupayaan guru-guru untuk bekerja dengan pelajar dewasa, berkomunikasi dengan baik, mewujudkan kolaboratif dengan guru-guru lain, mempunyai pengetahuan isi kandungan yang baik, kemahiran pedagogi serta mempunyai kebolehan berfikir secara sistem akan meningkatkan tahap kepimpinan dan keberkesanan guru-guru dalam menjalankan tugas mereka. Amalankepimpinan yang baik ini mempunyai pengaruh langsung terhadap keberhasilan pelajar dalam konteks pencapaian akademik, sahsiah dan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif. Adalah menjadi satu keperluan kepada guru-guru untuk meningkatkan amalan kepimpinan guru bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan dan pengajaran dan pembelajaran.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010). Amalan pengajaran guru pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep muallim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2 (1) 43-56.
- Abdul Talib Hashim, Amir Hasan Dawi, Hamidah Yusof & Zahari Suppian (2012). Gaya pembelajaran pelajar tingkatan enam di Malaysia. *NJurnal Pendidikan Bitara UPSI*. 5. 1-11.
- Azhar Harun, Ramli Basri, Zaidatol Akmaliah Lope Pehei & Soaib Asimiran (2016). Amalan kepimpinan guru di sekolah menengah zon timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Bil. 3, Isu 4.
- Blank, R. (2014). A Better Way to Measure: New Survey Tool Gives educators a Clear Picture of Professional Learning's Impact. *Journal of Staff Development*. 31(4), 56-60.
- Berry, B., Daughtrey, A. and Wiender, A. (2010), *Teacher leadership: Leading The way to effective teaching and learning*. Center for the teaching Quality. Dicapai pada 11 Januari 2018 dari: <https://www.teachingquality.org/sites/default/files/Teacher%20Leadership20Leading%20the%20Way%20to%20Effective%20Teaching%20and%20Learn>
- Center for Stengthening The Teacher Profesion (CSTP) (2009). *Teacher Leadership skill framework: Overview*. Olympia: JP Morgan Chase.
- Chua Yan Piaw (2012). *Kaedah Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan*. Buku 2, Edisi Kedua. Mc Graw Hill. ISBN: 978-967-5771-37-8.
- Cresswell, J.W. (2012). *Education Research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* 4<sup>th</sup> Ed.). Boston: Pearson Education.
- Cresswell, J. W. (2013). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method approaches* (4<sup>th</sup> Ed). California: SAGE Publication.
- Fullan (2006). *What's worth fighting for in headship: Strategies for taking charge of the leadership*, Buckingham: Open University Press.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Grant, C. Gardner (2008). Teacher Leadership: a survey analysis of Kwazulu-Natal teachers' perception. *South Africa Journal of Education*. Vol 30: 401-419.
- Hailan Salamun, Rahimah Ahmad, Zuraidah Abdullah & Rofishah Rashid (2013). *Pengupayaan kepimpinan guru di sekolah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hallinger, P. (2011). *A review of three decades of doctoral studies using the Principal instructional management rating scale: a lens on Methodological progress in educational leadership*: Educational Administration Quarterly, 47 (2), 271-306.
- Harris, A., & Muji, D. (2005). *Improving school through teacher leadership*. New York: Open University Press.
- Hussien Ahmad (2012). *Mission of public education in Malaysia: the challenge of transformation*. KL.UM Press.
- Katzenmeyer, M. & Moller, G. (2009). *Awakening The Sleeping Giant: Helping Teachers Develop As Leaders* (2nd Ed). Thousand Oaks, CA: Corwin Press, Inc.
- Katzenmeyer, M. & Moller, G. (2009). *Awakening The Sleeping Giant: Helping Teachers Develop As Leaders* (3rd Ed). Thousand Oaks: Corwin Press, Inc.
- Kauchak, D. & Edgen, P. (2011), *Introduction to teaching: Becoming a profesional* (4<sup>th</sup>. Ed.), Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) (Pendidikan Lulusan Menengah)* Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Laporan PISA 2012* Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). *Laporan PISA 2015* Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Laporan Tahunan 2016 PPPM 2013- 2025*. Putrajaya: KPM.
- Kirkpatrick (2008), Kirkpatrick's Four Level Evaluation Model. Dicapai pada 11 Januari 2018 dari: <http://www.nwlink.com/~donclark/hrd/isd/kirkpatrick.html>
- Kirkpatrick (2011) *Evaluation method*. Dicapai pada 7 November 2017 dari: <https://www.businessballs.com/facilitation-workshops-and-training/kirkpatrick-evaluation-method-2049>
- Knowles, M. (1984), *Andragogy in Action*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Krejcie, R., V. & Morgan D., W., (1970). *Determine Sample size for research activities*. *Educational and Psychological Measurement*, 30 (3), 607 -610.
- Leithwood, K., Louis, K.S., Anderson, S. & Wahlstrom, K. (2004). *Review of research: How leadership influences student learning*: New York: Wallace Foundation.
- Majlis Peperiksaan Malaysia (2018), *Kenyataan Media: Majlis Pengumuman Keputusan Peperiksaan STPM 2017*. Selayang: MPM.
- Maureen D. Neumann, Laura C. Jones, P. Taylor Webb. (2012). *Developing Teacher Leaders to transform Classrooms, Schools, and Communities. Transforming Learning Environments: Strategies to Shape the Next Generation*, pages 3-21.
- Mokhtar Pet & Ahmad Johari bin Sihes (2013). *Pemikiran guru cemerlang matapelajaran tingkatan enam dalam pengajaran*. 2<sup>nd</sup> International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013). Fakulti Pendidikan. UTM.
- Noraini Idris (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan* edisi kedua. Shah Alam. McGraw-Hill Education (M) Sdn.Bhd.
- Norashikin Abu Bakar, Ramli Basri, & Nurnazahlah Abas (2015). *Kepimpinan Pengajaran Pengetua dan Kepimpinan Guru*. *Kertas Kerja Seminar Pasta Siswazah Dalam Pendidikan (GREDUC 2013)*. Universiti Putra Malaysia 419- 430.
- Nor Asma Sheirmawani Abdul Rahman, Mohd Asri Mohd Noor, Rohaila Yusof & Hamidah Yusof (2015). *Kesahan model amalan kepimpinan guru*. *Jurnal kurikulum dan pengajaran Asia Pasifik*. Bil .3 Isu 2. Tanjung Malim. UPSI.
- Noor Azam Ismail (2012). *Kepimpinan guru mempengaruhi sikap pelajar Sekolah menengah daerah Segamat*. Sarjana Pendidikan Pengurusan dan Pentadbiran. Skudai: UTM.
- Nunnally, J.C. (1978), *Psychometric Theory*. New York: Mc Graw Hill Book Company.
- Parkay, F.W., & Stonford, B.H., (2010), *Becoming a teacher* (8<sup>th</sup> Ed.), Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus & Marinah Awang (2016). *Analisis data & pelaporan dengan menggunakan SPSS*. Tanjung Malim: UPSI.
- Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Miskon (2010). *Asas kepimpinan & perkembangan profesional*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Tang Keow Ngang & Tham Yoke Mei (2014). *Penjenamaan semula sistem Pentadbiran tingkatan enam: Satu kajian kes*. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Julai 2014. Bil 1, Isu 2. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. USM.

York-Barr, J. & Duke, K. (2008). *What we do know about teacher leadership? Finding from two decades of scholarship*. *Review of Educational Research*, 74, 255-316.